nun Kesiksaan. Tetapi sejauh yang saya dapat fikirkan suatu penyiasatan lanjut hendaklah diadakan sebelum apa-apa tindakan jenayah boleh dimulakan. Saya mengarahkan Penolong Pendaftar Kanan menghantar satu salinan pembicaraan kes ini kepada Pendakwaraya untuk pertimbangan dan jika perlu, mengarahkan penyiasatan lanjut dan mengeluarkan satu keizinan mendakwa di bawah seksyen 129 Kanun Acara Jenayah.

(2) Keterangan itu pada hemat saya juga menunjukkan bahawa dalam tiga atau empat perkara Encik Sim tidak berkelakuan sebagai seorang professional. Saya juga mengarahkan Penolong Pendaftar Kanan menghantar satu salinan pembicaraan kes ini kepada Jawatankuasa Bar supaya jawatankuasa itu menimbangkan samada tindakan tatatertib patut dibuat terhadap Encik Sim kerana tidak berkelakuan sebagai seorang professional dalam mengembelingkan perkara-perkara yang membawa kepada pembuatan Wasiat 1968 itu dan juga hal yang berlaku selepas itu.

Tuntutan pihak yang menuntut dibuang-bicara dengan membayar perbelanjaan Mahkamah. Tuntutan balas pihak kenatuntut dibenarkan dengan membayar perbelanjaan Mahkamah. Kesemua perbelanjaan dibayar oleh pihak yang menuntut di atas skala yang tertinggi.

Tuntutan dibuang-bicara.
Tuntutan balas dibenarkan.

Peguamcara: *C.H. Lim & Hooi; Abdullah A. Rahman & Co.*

JAYARAMAN & LAIN-LAIN lwn. PENDAKWA RAYA*

[Bidangkuasa Penyemakan Jenayah (Harun H.) Februari 22hb. 1979]

[Kuala Lumpur — Penyemakan Jenayah Bil. 1 Tahun 1979]

Undang-undang dan Acara Jenayah — Tuduhan — Empat tuduhan terhadap lapan orang tertuduh — Sama ada boleh dibicara bersama — Urusan sama — Budibicara Mahkamah — Akta Mahkamah Kehakiman, 1964, s. 35 — Kanun Acara Jenayah (N.M.B. Bab 6), ss. 163, 165, 166 dan 170.

Dalam kes ini kelapan-lapan tertuduh telah dituduh bersama dengan empat tuduhan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang. Ketika pembicaraan dimulakan di hadapan Mahkamah Sesyen Timbalan Pendakwa Raya yang arif mohon supaya pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan tuduhan yang keempat digantung. Pembelaan membantah langkah ini atas alasan tertuduh akan terancam kali-kedua kerana dua pembicaraan berasingan akan diadakan mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan dalam urusan sama. Yang di Pertua yang arif Mahkamah Sesyen perintah pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan penggantungan pembicaraan mengenai tuduhan keempat. Atas permintaan pembelaan Yang di Pertua yang arif telah tangguh pembicaraan untuk membolehkan Mahkamah Tinggi beri arahan yang patut di bawah seksyen 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Diputuskan: (1) keempat-empat kesalahan dalam kes ini telah dilakukan dalam satu siri perbuatan yang kait-mengait sehingga menjadikan urusan sama dan kes ini terjatuh dalam kecualian yang terkandung dalam seksyen 170 Kanun Acara Jenayah dan kes-kes boleh dibicarakan bersama;

(2) kuasa budibicara untuk memerintah sama ada tuduhan patut dibicarakan bersama atau berasingan ialah kepunyaan mahkamah dan bukan pendakwaan. Dalam kes ini Mahkamah Sesyen patut diarah meneruskan pembicaraan bersama atas keempat-empat tuduhan.

Kes-kes yang dirujuk:-

(1) *Subramanian Ayyar* v. *King-Emperor* 28 I.A. 257.
(2) *Chin Choy* v. *Public Prosecutor* [1955] M.L.J. 237.
(3) *Lim Yean Leong* v. *Public Prosecutor* [1940] M.L.J. 216.
(4) *Babulal Choukhani* v. *Emperor* A.I.R. 1938 P.C. 130.
(5) *Cheong Sik Kwan* v. *Public Prosecutor* [1959] M.L.J. 189.
(6) *Amrita Lal Hazra* v. *Emperor* 42 Cal. 957.
(7) *Public Prosecutor* v. *Datuk Harun bin Haji Idris & Ors.* [1976] 2 M.L.J. 116.
(8) *R.* v. *Grondkowshi* dan *R.* v. *Malinowski* [1946] 1 K.B. 369.
(9) *R.* v. *Sakandar Khan* [1939] M.L.J. 123.
(10) *Mohamed Ramly b. Haji Rasip* v. *Public Prosecutor* [1941] M.L.J. 31.

PENYEMAKAN JENAYAH.

D.P. Vijendran (*Chandran* bersamanya) untuk pemohon.

Mohamed Shafee bin Mohamed Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) untuk pihak menentang.

Harun H.: Kelapan-lapan tertuduh ini telah dituduh bersama di hadapan Mahkamah Sesyen di Kelang seperti berikut:

Tuduhan Pertama:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Mohd. Amin bin Doyak dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Ketiga:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Mispan bin Tunut dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *Seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Ketiga:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Suppian bin Ali dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *Seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Tuduhan Keempat:

Yang kamu bersama pada 19hb. Ogos, 1978, pada lebih kurang pukul 2.30 pagi di Kuil Sri Subramaniam, Kerling, dalam Daerah Ulu Selangor, dalam Negeri Selangor, dengan memenuhi niat bersama, telah menyebabkan kematian Ahmad

---

* Dialihbahasa dari [1979] 2 M.L.J. 88 oleh Mimi Kamariah binti Abdul Majid, LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

Nasiruddin bin Bunyamin dengan niat melakukan kecederaan tubuh yang boleh menyebabkan kematian dan kamu telah dengan itu melakukan suatu kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada membunuh orang, yang boleh dihukum di bawah *Seksyen 304 Bahagian I* Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan *Seksyen 34* Kanun yang sama.

Ketika pembicaraan dimulakan, Timbalan Pendakwa Raya yang arif mohon supaya pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan tuduhan yang keempat digantung atas alasan kalau pembicaraan diteruskan atas keempat-empat tuduhan ianya akan bertentangan dengan seksyen 164 Kanun Acara Jenayah (K.A.J.) dan pembicaraan akan menjadi suatu yang taksah.

Pembelaan membantah langkah ini atas alasan tertuduh akan terancam kali-kedua kerana dua pembicaraan berasingan akan diadakan mengenai kesalahan yang dikatakan telah dilakukan dalam urusan sama. Pembelaan menghujjahkan keempat-empat tuduhan patut dibicarakan bersama di bawah seksyen 170 Kanun Acara Jenayah.

Kesudahannya Yang di Pertua yang arif perintah pembicaraan diteruskan atas tiga tuduhan yang pertama dan tangguh pembicaraan tuduhan keempat. Atas permintaan pembelaan kelmarin, Yang di Pertua yang arif telah tangguh pembicaraan selanjutnya kepada hari Isnin 26hb. Februari, 1979 untuk membolehkan Mahkamah ini memberi arahan yang patut di bawah seksyen 35 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Pada awal-awal lagi perlu disebutkan tumpuan perhatian pendakwaan ialah kesahan pembicaraan itu. Perhatian seperti ini boleh difahami memandangkan keputusan Majlis Privy dalam *Subramanian Ayyar* v. *King Emperor*[1] diikuti dalam *Chin Choy* v. *Public Prosecutor*[2] di mana telah diputuskan apabila tuduhan dibicarakan bersama bertentangan dengan mana-mana peruntukan Kanun Acara Jenayah suatu ketidaksahan yang tidak boleh dipulih akan ujud dan mana-mana thabitan yang dikenakan tidak boleh dikekalkan.

Soalannya ialah sama ada empat tuduhan ini boleh dibicarakan bersama. Kaedah umum ialah tiap-tiap tertuduh patut dituduh dan dibicarakan berasingan untuk tiap-tiap kesalahan yang berlainan: seksyen 163 Kanun Acara Jenayah.

Kaedah umum ini, walau bagaimanapun, tertakluk kepada empat kecualian iaitu:

(i) Tidak lebih dari *tiga kesalahan sama jenis* yang telah dilakukan dalam masa 12 bulan boleh dibicarakan bersama: seksyen 164 Kanun Acara Jenayah.

(ii) Satu pembicaraan untuk kesemuanya kesalahan yang timbul dari *urusan sama* oleh orang yang sama. Tidak ada had mengenai bilangan tuduhan yang boleh dibawa terhadap seorang tertuduh dalam pembicaraan seperti ini: seksyen 165 Kanun Acara Jenayah.

(iii) Di mana atas fakta yang sama beberapa kesalahan diperlihatkan dan ada keraguan mengenai kesalahan mana yang harus dituduh; tertuduh boleh dituduh dengan semua kesalahan yang diperlihatkan atau dengan tuduhan pilihan lain untuk tiap-tiap kesalahan seperti demikian. Tidak ada had bilangan tuduhan: seksyen 166 Kanun Acara Jenayah.

(iv) Di mana beberapa orang tertuduh melakukan kesalahan yang sama atau beberapa kesalahan yang sama jenis atau kesalahan berlainan dalam *urusan sama,* kesemua tertuduh boleh dituduh dengan melakukan semua kesalahan itu dalam pembicaraan yang sama. Di sini juga tidak ada had bilangan tuduhan: seksyen 170 Kanun Acara Jenayah.

Dalam *Lim Yean Leong* v. *Public Prosecutor*[3] telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan keempat-empat kecualian tersebut adalah tambah-menambah dan bukan saling mengecualikan. Majlis Privy berkeputusan sama dalam *Babulal Choukhani* v. *Emperor.*[4] Nas-nas ini telah dibincang sepenuhnya oleh Mahkamah Rayuan dalam *Cheong Sik Kwan* v. *Public Prosecutor.*[5]

Dalam kes ini ada lapan tertuduh dan empat tuduhan dan pembicaraan bersama mereka ditegah oleh seksyen 163 Kanun Acara Jenayah melainkan kes itu terjatuh dalam lingkungan satu daripada empat kecualian tadi. Seksyen 164 Kanun Acara Jenayah tidak terpakai kerana ada lebih dari seorang tertuduh dan ada empat tuduhan. Kecualian yang ianya boleh terjatuh di bawah ialah seksyen 170 Kanun Acara Jenayah. Soalan yang timbul sama ada empat kesalahan yang dituduh telah dilakukan "dalam satu siri perbuatan yang kait-mengait sehingga menjadikan urusan sama". Telah diputuskan dalam *Babulal Choukhani* v. *Emperor, supra,* masa berkenaan di mana syarat mengenai persamaan pertuduhan mesti dipenuhi ialah masa pertuduhan dan bukan masa keputusan terakhir. Dengan lain perkataan soalan mesti diputuskan pada masa tuduhan dikenakan. Di peringkat ini bahan yang ada di hadapan mahkamah ialah tuduhan. Dalam *Chin Choy* v. *Public Prosecutor, supra,* Mahkamah Rayuan memutuskan ujian terbaik untuk dipakai ialah yang telah dibentangkan dalam *Amrita Lal Hazra* v. *Emperor*[6] — "Tidak mungkin merangkakan suatu rumusan lengkap yang boleh dipakai secara umum untuk menentukan sama ada dua atau lebih perbuatan menjadi urusan sama; tetapi keadaan yang menyentuh penentuan soalan itu dalam sesuatu kes boleh ditunjuk dengan mudahnya: ianya adalah kedekatan masa, kesatuan atau kedekatan tempat, keterusan pergerakan dan keterusan tujuan atau matlamat."

Sekarang, memakai ujian ini kepada kes ini, suatu penilitian tuduhan-tuduhan menunjukkan:

(i) Kedekatan masa — keempat-empat kesalahan telah dikatakan berlaku pada masa yang sama;

(ii) Kesatuan atau kedekatan tempat — keempat-empat kesalahan telah dikatakan berlaku di tempat yang sama;

(iii) Keterusan pergerakan — keempat-empat kesalahan adalah sama dan telah dilakukan dalam masa dan di tempat yang sama; dan

(iv) Keterusan tujuan atau matlamat — kelapan-lapan tertuduh dituduh dengan melakukan keempat-empat kesalahan dan dalam keempat-empat tuduhan pendakwaan telah sebut niat bersama dengan menggunakan peruntukan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Oleh demikian, saya putuskan kes ini terjatuh dalam lingkungan kecualian yang terkandung dalam seksyen 170 Kanun Acara Jenayah.

Walaupun demikian, Timbalan Pendakwa Raya yang arif menghujjahkan adalah untuk pendakwaan menentukan sama ada meneruskan dengan tiga atau empat tuduhan atas alasan pendakwaan sahajalah yang mempunyai fakta kes terhadap tertuduh dan pengetahuan ini tidak diperolehi oleh pembelaan atau mahkamah dan dengan itu pendakwaan dalam keadaan terbaik untuk menentukan *perjalanan* mana-mana kes. Seterusnya mengikut Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376 Kanun Acara Jenayah Pendakwa Raya mempunyai budibicara yang mutlak untuk memulakan, *menjalankan* atau memberhentikan semua pendakwaan jenayah. Khasnya, hujjah beliau ialah kuasa budibicara Pendakwa Raya untuk *menjalankan* pendakwaan jenayah termasuk kuasa untuk menentukan sama ada tuduhan yang dikenakan oleh pendakwaan terhadap seorang atau lebih orang tertuduh patut didengar oleh mahkamah secara bersama atau berasingan. Atau dengan lain perkataan, hujjahnya ialah untuk pendakwaan dan bukan mahkamah memutuskan dalam kes ini sama ada meneruskan dengan tiga atau empat tuduhan. *Public Prosecutor* v. *Datuk Harun bin Haji Idris & Ors.*[7] telah dikatakan nas untuk hujjah ini, di mana di muka surat 119 mahkamah telah menyentuh kuasa Pendakwa Raya dalam pendakwaan jenayah dengan rujukan khas kepada perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376 Kanun Acara Jenayah. Mengikut pendapat saya nas itu tidak menyokong hujjah Timbalan Pendakwa Raya yang arif. Sebenarnya ianya bertentangan kerana telah diputuskan (dan saya dengan hormatnya bersetuju):

"Perjalanan pendakwaan dan tindakan jenayah dalam Perkara 145(3) tidak boleh bererti mengawasi acara jenayah atau bidangkuasa mahkamah atau kuasa atau budibicara untuk berbuat demikian."

Seksyen 170 Kanun Acara Jenayah tepatnya memperuntukkan:

"Apabila lebih dari seorang dituduh dengan kesalahan sama ... mereka boleh dituduh dan dibicarakan bersama atau berasingan seperti *mahkamah berpendapat sesuai,* ...."

Adalah jelas kuasa untuk memerintah pembicaraan bersama atau berasingan ialah suatu kuasa yang dilaksanakan oleh mahkamah dan bukan pendakwaan. Pendapat saya disokong oleh pemerhatian oleh Mahkamah Rayuan dalam *Chin Choy* v. *Public Prosecutor, supra,* di mana di m.s. 238 mahkamah berkata:

"Apabila tuduhan digabungkan secara salah, pendakwa patut diminta pilih tuduhan atau tuduhan-tuduhan mana dia ingin meneruskan sebelum akuan diambil, dan dengan itu mengelakkan suatu pembicaraan yang taksah dan kurang baik. Secara amalan, tuduhan-tuduhan yang tidak boleh dibicarakan bersama patut digubal atas kertas tuduhan yang berasingan dan tertakluk kepada pembicaraan berasingan."

Dalam *R.* v. *Grondkowki* dan *R.* v. *Malinowski*[8] Mahkamah Rayuan memutuskan membenarkan atau keengganan membenarkan permohonan untuk pembicaraan berasingan ialah suatu perkara budibicara untuk hakim pembicaraan, dan di mana budibicara sedemikian telah dilaksanakan secara adil Mahkamah Rayuan Jenayah tidak akan campurtangan melainkan berlakunya ketidakadilan akibat membenarkan atau keengganan membenarkan permohonan itu.

Dalam melaksanakan budibicaranya, mahkamah patut ingat bahawa tujuan seksyen 163 Kanun Acara Jenayah ialah untuk menghalang ketaksaksamaan atau kebingungan kepada tertuduh —

(i) oleh kekeliruan isu-isu;

(ii) oleh kemasukan keterangan yang akan menunjukkan dia bersalah untuk kesalahan yang lain.

Sekiranya kesalahan adalah dalam urusan sama tidak satu daripada perasaan kebingungan ini akan timbul: *R.* v. *Sakandar Khan;*[9] dan *Mohamed Ramly bin Haji Rasip* v. *Public Prosecutor.*[10]

Saya memutuskan bahawa kuasa budibicara untuk memerintah sama ada tuduhan patut dibicarakan bersama atau berasingan ialah kepunyaan Mahkamah dan bukan pendakwaan.

Akan diadakan perintah supaya mahkamah Sesyen di Kelang diarahkan meneruskan pembicaraan bersama pada hari Isnin 26hb Februari, 1979 atas keempat-empat tuduhan di bawah seksyen 170 Kanun Acara Jenayah.

Perintah seperti dinyatakan.

Peguamcara: *Vijendran & Co.*

PENDAKWA RAYA lwn. KARUMAH*

[Bidangkuasa Penyemakan Jenayah (Harun H.) Mach 7hb. 1980]

[Kuala Lumpur — Wilayah Persekutuan Kes Penyemakan Jenayah Bil. 9 Tahun 1980]

Undang-undang dan Acara Jenayah — Permohonan untuk tangguhan — Penyiasatan telah selesai — Ketidakhadiran saksi — Tangguhan patut dibenarkan.

Dalam kes ini tertuduh dituduh dengan tiga kesalahan menipu yang dikatakan telah berlaku pada bulan Mac 1977. Beberapa tangguhan pembicaraan telah diberi dan akhirnya pembicaraan ditetapkan untuk Februari 27, 1980. Pada hari itu pendakwaan memohon tangguhan kerana mereka tidak boleh mengemukakan saksi-saksi, yang tidak dapat dikesan. Pembelaan mohon pelepasan dan Yang di Pertua Mahkamah Sesyen merujuk kes ini kepada Mahkamah Tinggi untuk arahan.

Diputuskan: oleh kerana penyiasatan telah selesai dalam kes ini dan tangguhan dimohon untuk membolehkan pendakwaan mendapatkan saksi, mahkamah patut membenarkan tangguhan.

Kes-kes yang dirujuk:

(1) *Public Prosecutor* v. *Hettiarachigae L.S. Perera* [1977] 1 M.L.J. 12.

(2) *Public Prosecutor* v. *Tan Kim San* [1980] 1 M.L.J. 99.

PENYEMAKAN JENAYAH.

John L. O'Hara (Timbalan Pendakwa Raya) untuk Pendakwa Raya.

Sri Ram (*Kumar* bersamanya) untuk pihak membangkang.

Harun H.: Dalam kes ini tertuduh telah dikatakan melakukan tiga kesalahan menipu di bawah seksyen 420 Kanun Kesiksaan dalam bulan Mac 1977 berkenaan dengan urusan mengenai tanah. Beberapa tangguhan pembicaraan diberi. Pada mulanya tang-

* Dialihbahasa dari [1980] 2 M.L.J. 102 oleh Mimi Kamariah binti Abdul Majid LL.B. (Malaya) LL.M. (Monash) Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.